

RINGKASAN (soalan 1)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **kepentingan kokurikulum kepada para pelajar**. Panjangnya ringkasan anda hendaklah tidak melebihi 80 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Aktiviti kokurikulum di sekolah dapat memupuk dan membentuk keperibadian unggul seseorang pelajar. Misalnya, melalui kelab dan persatuan pelajar-pelajar dilatih untuk memegang beberapa jawatan penting dan bertanggungjawab melaksanakan aktiviti yang dirancang.

Melalui aktiviti kokurikulum pelajar-pelajar juga dilatih memahami prinsip-prinsip asas alam pekerjaan yang akan diaplikasi sepenuhnya apabila mereka berada dalam dunia pekerjaan dewasa nanti. Pendedahan seumpama ini melalui aktiviti kokurikulum membolehkan mereka bertindak dan membuat keputusan yang amat diperlukan oleh seorang pekerja yang berwawasan.

Melalui aktiviti badan beruniform pelajar banyak belajar tentang perkara yang menyentuh soal disiplin seperti kepekaan terhadap masa, keperihatinan terhadap rakan-rakan tanpa mementingkan diri sendiri adalah antara nilai murni yang sentiasa diamalkan dalam setiap aktiviti yang dijalankan.

Penglibatan yang aktif dalam kokurikulum menyediakan pelajar untuk menyesuaikan diri dengan corak pembelajaran di institusi pengajian tinggi yang amat berbeza dengan corak pembelajaran di sekolah. Dalam hal ini, pelajar yang tidak aktif dalam kokurikulum berkemungkinan kurang kemahiran berkomunikasi dan lemah dalam membuat persembahan, sedangkan kemahiran tersebut amat diperlukan dalam sistem pembelajaran institusi pengajian tinggi.

Seseorang pelajar yang kurang aktif dalam kokurikulum cenderung menjadi pelajar yang pendiam, tidak suka bergaul serta hanya mementingkan diri sendiri. Oleh itu, apabila mereka berada dalam situasi pembelajaran di institusi pengajian tinggi nanti mereka akan terperangkap kerana pada masa itu jumlah pangkat A yang mereka perolehi di sekolah dahulu tidak lagi menjadi ukuran, tetapi pelajar yang aktif menyertai aktiviti kokurikulum semasa di sekolah akan lebih mudah belajar kerana mereka sudah belajar menyiapkan sesuatu tugas, memahami pentingnya perpaduan, *mudah bertoleransi* dan ada kemahiran berfikir dan berhujah.

Justeru, pelajar-pelajar harus melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti kokurikulum, kerana pelajar yang cemerlang ialah mereka yang seimbang dari segi akademik, mudah berkomunikasi dan mudah bergaul.

A) TENTUKAN SAMA AYAT BERIKUT MENUNJUKKAN ISI UTAMA ATAU HURAIAN.

Bil	Ayat	Isu utama / Huraian
1	Memupuk dan membentuk keperibadian unggul seseorang pelajar	
2	Melalui kelab dan persatuan pelajar-pelajar dilatih untuk memegang beberapa jawatan penting dan bertanggungjawab melaksanakan aktiviti yang dirancang	
3	Memahami prinsip-prinsip asas alam pekerjaan yang akan diaplikasi sepenuhnya apabila mereka berada dalam dunia pekerjaan dewasa nanti	
4	Melalui aktiviti kokurikulum membolehkan mereka bertindak dan membuat keputusan yang amat diperlukan oleh seorang pekerja yang berwawasan	
5	Pelajar banyak belajar tentang perkara yang menyentuh soal disiplin	
6	Kepekaan terhadap masa, keperihatinan terhadap rakan-rakan tanpa mementingkan diri sendiri adalah antara nilai murni yang sentiasa diamalkan dalam setiap aktiviti yang dijalankan.	
7	Menyediakan pelajar untuk menyesuaikan diri dengan corak pembelajaran di institusi pengajian tinggi	

RINGKASAN (soalan 2)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **faedah membaca**, dengan sekurang-kurangnya 80 patah perkataan. Anda digalakkan menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud petikan.

Membaca adalah satu amalan yang terpuji dan patut dijadikan amalan setiap orang. Banyak faedah yang akan diperolehi jika seseorang itu mengisi masa lapangnya dengan membaca. Bahan-bahan bacaan banyak terdapat di negara kita seperti akhbar, majalah, buku dan lain-lain lagi. Jadi dengan membacanya pengetahuan kita akan bertambah. Kita dapat mengetahui perihal satu-satu bangsa, istiadat, sejarah, kepercayaan, kebudayaan dan berbagai lagi. Dengan cara ini, persefahaman kita dengan kaum yang lain dapat dijalin dengan baik.

Di samping menambah pengetahuan, kita juga dapat mengikuti perkembangan dan kejadian yang berlaku di dalam dan luar negeri. Melalui bacaan surat khabar dan majalah kita dapat mengetahui pergolakan yang berlaku di negara lain seperti peperangan, pemogokan, tunjuk perasaan dan lain-lain. Kita dapat membandingkannya dengan negara kita. Dengan itu kita menjadi insaf dan sedar bahawa kita semua sangat beruntung kerana negara kita sentiasa aman dan tidak bergolak.

Selain daripada itu, kita juga dapat mengetahui perkembangan dan kemajuan yang dicapai oleh negara-negara lain dalam bidang sains dan kita dapat mengetahui hasil ciptaan mereka, dan bagaimana mereka dapat menyelesaikan masalah ekonomi negara. pengetahuan ini mungkin berguna kepada kita. Mana-mana yang sesuai untuk kemajuan dan kesejahteraan negara kita bolehlah kita contohi dan pelajari.

Sesebuah negara yang rakyatnya banyak membaca akan bangkit menjadi negara yang cepat maju, kerana daripada pembacaan itu mereka sentiasa dapat ilmu-ilmu baru. Dengan ilmu itu dapatlah mereka membuat perubahan ke arah kemajuan dan kejayaan dalam apa jua bidang seperti pelajaran, pembangunan, ekonomi, sosial, kebudayaan dan berbagai lagi. Negara akan beruntung jika mempunyai rakyat yang berilmu pengetahuan lagi progresif. Jadikanlah membaca sebagai suatu amalan *hidup*.

Arahan (Sila isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai)

Membaca adalah _____. Antara faedah amalan membaca adalah kita boleh _____. Selain itu, kita juga dapat _____. Seterusnya, kita juga dapat mengetahui perkembangan dan kemajuan yang dicapai oleh negara-negara lain dalam bidang sains dan kita dapat _____, dan bagaimana mereka dapat menyelesaikan masalah ekonomi negara. Akhir sekali, sesebuah negara yang rakyatnya banyak membaca akan _____, kerana daripada pembacaan itu mereka sentiasa dapat ilmu-ilmu baru.

mengetahui pencapaian dan peristiwa yang berlaku di serata tempat	
satu tabiat yang terpuji dan patut dijadikan kebiasaan setiap individu	
mengikuti perkembangan dan kejadian yang berlaku di dalam dan luar negeri	
mengetahui hasil ciptaan mereka	bangkit menjadi negara yang cepat maju